

**PERKARA-PERKARA UTAMA DALAM UCAPAN DASAR  
DATUK DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI  
KETUA BAHAGIAN N5 TANDEK MERANGKAP TIMBALAN  
PRESIDEN PBS SEMPENA MESYUARAT AGUNG PBS BAHAGIAN N5  
TANDEK YANG KE-20**

**1. Pendahuluan**

Salam bersatu dan salam perpaduan. Pertama-tama kepada:

- i. AK Aliuddin Pg. Datuk Mohd Tahir – Timbalan Presiden
  - ii. Datuk Radin Malleh – Setiausaha Agung PBS
  - iii. YB. Jornah Mozihim – ADUN N4 Matunggong
  - iv. En. Robert Munang – Executive Secretary PBS
  - v. Semua Ahli Majlis Tertinggi dan Ketua-ketua Bahagian Parti
  - vi. Wakil daripada semua parti komponen Barisan Nasional
  - vii. Pegawai-pegawai kanan kerajaan negeri dan persekutuan
  - viii. Semua perwakilan daripada cawangan, pemuda dan wanita.
2. Dalam 20 tahun perjuangan, PBS telah banyak mengumpul pengalaman pahit dan manis. Perjalanan kita sudah jauh dan menempuh banyak cabaran namun kita dapat juga pada tahun ini menyempurnakan Mesyuarat Agong ke-20 berkat kerjasama dan sokongan padu daripada anda semua selaku penyokong kuat parti.
3. Dalam masa yang sama para penyokong perlu menjadi semakin matang, bertanggungjawab dan memberi sumbangan kepada parti dan mengubah mentaliti atau sindrom “minta’ daripada parti untuk mencapai matlamat individu. Kita perlu naik taraf dari semua segi khususnya daripada segi kepimpinan.
4. Semasa Parti ditubuhkan pada 20 tahun yang lalu, senario politik, sosio-ekonomi dan persekitaran kita adalah berbeza. Sekarang kita berhadapan dengan dunia tanpa sempadan yang dipanggil GLOBALISASI di mana dunia bergerak dengan pantas dalam semua segi. Suka ataupun tidak kita adalah sebahagian daripadanya. Menurut Joseph Stiglitz, seorang pakar ekonomi mendefinisikan Globalisasi sebagai:

*Globalization “is the closer integration of the countries and peoples of the world...brought about by the enormous reduction of costs of transportation and communication, and the breaking down of artificial barriers to the flows of goods, services, capital, knowledge, and people across borders.”*

Kita tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran globalisasi. *“We must manage globalisation otherwise we will be marginalised by its forces and impacts.”*

5. Perkara-perkara yang berlaku dalam proses globalisasi ini menentukan arah pentadbiran negara kita Malaysia, negeri Sabah dan semestinya parti kita. Perubahan-perubahan atau impak yang berlaku akibat daripada proses tersebut yang menyentuh soal politik dan sosio-ekonomi tidak dapat dielakkan. Kita tiada pilihan selain daripada berhadapan dengan perubahan-perubahan ini serta bersaing dalam persaingan yang terbuka. Jika kita ingin menang maka kita perlu merancang dan memperlengkapkan diri dengan pengetahuan.
6. Daripada segi cabaran menangani globalisasi, saya menyeru agar kita meningkatkan kualiti kepimpinan di semua peringkat dengan menghadiri kursus-kursus atau seminar kepimpinan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan.
7. Kota Marudu semestinya mengalami dan merasakan kesan globalisasi. Perubahan global memberi kesan kepada negeri, parti dan juga daerah ini. Oleh itu kita perlu bertindak balas dan merancang hala tuju daerah ini agar cara ianya ditadbir bersesuaian dengan perubahan dan persekitaran politik, social dan ekonomi pada masa ini.
8. Kita perlu mengubah sikap. Sudah tiba masanya kita memikirkan untuk menjadi usahawan sendiri dan bersaing tanpa bersandar kepada parti semata-mata. Pertingkatkan kualiti diri seperti yang disentuh oleh Perdana Menteri mengenai 'towering personality' yang diperlukan bagi menghadapi dunia yang serba mencabar.
9. Kita perlu memenuhi kriteria seorang pemimpin sama ada anda pemimpin di peringkat bahagian, cawangan, pemuda dan wanita ataupun ketua kampung. Menghadiri kursus, latihan dan seminar adalah wajib bagi memastikan kita tahu apa yang dituntut dalam sesuatu kepimpinan, mengubahsuaikan diri dan bukan sekadar mabuk-mabukan atau membuang masa dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah.
10. Perancangan kita bagi daerah Kota Marudu (N5 Tandek dan juga N4 Matunggong) adalah untuk mengeluarkan kawasan ini daripada senarai 10 daerah termiskin di Malaysia. Program dan strategi telahpun dikenalpasti melalui khemah kerja yang diadakan pada tahun lalu. Antara lainnya ialah untuk meningkat, memperbaiki serta menambah infrastruktur sedia ada termasuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja kita yang terlibat dalam pentadbiran. Pelan Pembangunan bagi N5 Tandek telah siap digubal manakala bagi N4 pula sedang dalam proses penggubalan.
11. Belia dan beliawanis khususnya digalakkan untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran yang baru untuk meningkatkan kualiti diri.

12. Dari segi pentadbiran Daerah dan kawasan Parlimen P168 Kota Marudu, pihak parti akan terus mengamalkan sikap sederhana, tolak ansur dan jujur tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas pentadbiran yang cekap, amanah dan cemerlang. Walaupun sebagai ADUN dan Ahli Parlimen yang mempunyai kuasa mutlak daripada segi perlantikan jawatan politik seperti KAN/WKAN, Ketua-ketua Kampung dan PJKKK seperti di kawasan DUN lain, Ketua Bahagian PBS N5 Tandek telah mengambil sikap cukup sabar dan bertanggungjawab memastikan supaya semangat perpaduan dan kerjasama dipelihara. Namun mana-mana penyandang jawatan yang tidak bertugas dengan betul, menyeleweng (seperti makan sogit dan tidak berdisiplin) akan diambil tindakan demi memelihara amalan pentadbiran yang baik dan bertanggungjawab. Harus juga diakui bahawa senario politik di kawasan DUN Tandek dan Parlimen P168 Kota Marudu sudah berubah selepas penyertaan semula PBS dalam Barisan Nasional. Maka adalah wajib perubahan pentadbiran kawasan dilaksanakan untuk kebaikan semua pihak dan pastikan komponen-komponen Barisan Nasional khususnya harus mengakui keadaan ini.

Dalam hampir semua kawasan DUN lain di mana penyokong PBS adalah amat banyak dan menjadi penentu kepada kemenangan BN dalam pilihanraya yang lalu, masih menjadi satu kenyataan bahawa seorang ahli pemimpin PBS pun tidak diberi peluang menyandang jawatan KAN/WKAN, Ketua Kampung ataupun PJKKK. Fakta ini turut wujud di kawasan DUN-DUN lain dalam Kawasan Parlimen Kudat dan Kota Belud. Oleh itu, para pemimpin parti komponen BN di kawasan P168 Kota Marudu harus mengakui bahawa keadaan pentadbiran kita di kawasan ini adalah lebih baik daripada kebanyakan kawasan lain di negeri ini.

13. Cabaran-cabaran masa depan:
  - i. Kerjasama yang erat di antara pemimpin.  
Pemimpin dalam semua peringkat patut memberikan kerjasama di antara satu dengan yang lain bagi memastikan pentadbiran daerah dan juga parti menjadi lebih mantap.
  - ii. Meningkatkan mutu kepimpinan supaya kita boleh bersaing dengan parti lain.  
Sudah tiba masanya kita sebagai penyokong parti dapat memberikan sumbangan yang lebih kelihatan. Kita perlu menyumbang idea-idea baru demi menjadikan parti ini lebih dinamik dan berkembang maju.
  - iii. Menguasai Bahasa Inggeris  
Bahasa Inggeris bukan sahaja bahasa sejagat tetapi juga bahasa ilmu yang membolehkan kita mencapai dan mendapatkan pengetahuan yang lebih luas jika kita dapat menguasainya. Kita juga lebih berdaya saing

jika dapat berbahasa Inggeris. Oleh itu saya menggesa dan mendorong kita agar mengambil inisiatif untuk mempelajari bahasa ini.

- iv. **Menguasai teknologi dan ICT**  
Pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan komputer juga adalah sangat penting pada masa ini. Dunia kini tidak dibatasi dengan penggunaan telefon 'fixed line' tetapi juga pelbagai alat komunikasi lain yang mudah alih termasuk internet di mana kita boleh berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia dan mendapatkan apa saja maklumat yang kita inginkan hanya dengan menekan butang. Semua kemahiran ini amat kritikal bagi kita untuk mempelajarinya.
  
- v. **Melatih generasi muda sebagai pelapis pemimpin pada masa akan datang.**  
Saya ingin mendorong golongan muda khususnya untuk memiliki sikap daya saing, berpengetahuan, berhemah tinggi dan bertanggungjawab. Pupuklah kualiti diri yang cemerlang. Negara, negeri, daerah dan parti ini adalah di tangan anda pada masa akan datang. Jika golongan muda kita yang ada pada masa ini tidak mempunyai kualiti diri terutamanya daripada segi pencapaian pendidikan maka kita tidak akan ke mana.